



## MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17  
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
LORONG P. RAMLEE, OFF JALAN P. RAMLEE,  
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my  
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA  
TEL : 082-507214 FAKS : 082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA  
TEL : 082-507215 FAKS : 082-507241

TALIAN AM  
TEL : 082-507251/507250 FAKS : 082-507254

Rujukan kami : JAIS/DWH/100-4/1/1 ( 4 )  
Tarikh : 6 Disember 2022M  
12 Jamadilawal 1444H

### Semua Penaja Guru Agama Islam Warganegara Asing (GAIWA) Semua Guru Agama Islam Warganegara Asing

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Yang Berbahagia Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

### PEKELILING GAIWA BIL. 1/ 2022: PERINGATAN BAGI GAIWA BAHARU, YANG AKAN ATAU TELAH TAMAT TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM BAGI WARGANEGARA ASING DAN PAS LAWATAN IKHTISAS (PLIK)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Pengambilan Guru Agama Islam Warganegara Asing Majlis Islam Sarawak Kali Ke 29 telah bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut:-

- a) Menetapkan supaya **permohonan baharu GAIWA yang lengkap** hendaklah dikemukakan secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi KISWA selewat-lewatnya **enam (6) bulan sebelum sesi pengajaran bermula**;
- b) Menetapkan supaya **permohonan lanjutan GAIWA yang lengkap** hendaklah dikemukakan secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi KISWA selewat-lewatnya **enam (6) bulan sebelum Tauliah Mengajar Agama Islam Bagi Warganegara Asing tamat**;
- c) GAIWA **hanya dibenarkan mengajar** setelah Tauliah Mengajar Agama Islam Bagi Warganegara Asing diluluskan dan **berdasarkan ketetapan** di dalam tauliah berkenaan;
- d) GAIWA **tidak dibenarkan** mengajar, berceramah atau memperjelaskan apa-apa ajaran Islam **apabila tauliah telah tamat** yang merupakan satu kesalahan di bawah Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, 2001;

.../


e) **Penaja dan GAIWA hendaklah segera berurusan** dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak (JIMS) apabila PLIK telah tamat dan hendaklah meninggalkan Sarawak sebagai mematuhi peraturan Imigresen Sarawak dan Malaysia.

3. Sehubungan itu, Majlis Islam Sarawak memohon semua Penaja dan GAIWA mengambil maklum dan mematuhi arahan ini berkuatkuasa serta merta.

4. Di atas perhatian dan Kerjasama pihak Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan, didahului ucapan berbanyak terima kasih.

Sekian. Wassalam.

**“PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH”**  
**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”**  
**“AN HONOUR TO SERVE”**



**(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)**

**Setiausaha**

**Majlis Islam Sarawak**